

UMNO Alor Gajah dan Jasin yg pertama beri keterangan

SIASATAN KRISIS BERMULA

KUALA LUMPUR 18 OGOS

JAWATANKUASA Khas bagi menyasat krisis UMNO Melaka yang memulakan penyiasatannya hari ini akan mengadakan sidangya tidak lama lagi setelah selesai mendengar keterangan dari semua pemimpin UMNO negeri itu.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Jawatankuasa tersebut yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan penyiasatannya yang pertama lebih dari tiga jam hari ini di Ibu pejabat UMNO disini.

Tiga jam

Jawatankuasa itu yang juga dianggotai oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam mulanya mendengar keterangan dari UMNO Bahagian Alor Gajah untuk memulakan penyiasatannya.

Setelah selesai mendengar keterangan dari Bahagian Alor Gajah itu — berlangsung selama tiga jam — jawatankuasa itu mendengar pula keterangan dari UMNO Bahagian Jasin.

Esok, jawatankuasa itu akan menemui Bahagian Kota Melaka di sebelah pagi dan UMNO Bahagian Batu Berendam di sebelah petang.

Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Senu Abdul Rahman yang menganggotai jawatankuasa khas itu telah tidak hadir kerana uzur.

Keterangan itu diberi secara tertutup di Ibu pejabat UMNO di sini.

Krisis politik Melaka itu telah tercetus pada 7 Ogos lalu, bila 11 orang ahli Dewan Negeri Melaka datang ke sini untuk menemui Datuk Hussein Onn kerana tidak percaya kepada pimpinan Haji Ghani Ali sebagai Ketua Menteri.

Haji Ghani Ali, yang juga Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah telah tidak hadir untuk memberi keterangan meskipun beliau dikatakan berada di Kuala Lumpur sekarang ini.

Hadir

Di antara 18 orang Pegawai dan jawatankuasa bahagian tersebut yang hadir ialah Timbalan Ketua Bahagian, Haji Ghani Ishak yang juga ahli Dewan Negeri Encik Johari Yusoff juga seorang ahli Dewan Negeri dan Encik Razak Alias juga ahli Dewan Negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita bahawa jawatankuasa ini hanya mendengar keterangan saja.

Menjawab satu pertanyaan, beliau menerangkan jawatankuasa khas ini ditubuhkan oleh UMNO dan hanya menyasat mengenai soal yang berkaitan dengan UMNO saja.

Ditanya mengenai DAP Melaka Encik Lim Kit Siang akan menemui 11 orang anggota dewan yang berkenaan, beliau berkata, perkara ini bergantung setelah menerima keterangan-keterangan

dari bahagian-bahagian itu, jika perlu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa jawatankuasa itu belum mempunyai rancangan untuk menemui Ketua Menteri Haji Abdul Ghani Ali berbhubung dengan penyiasatan itu.

"Semuanya bergantung kepada hasil keterangan-keterangan yang akan diberi oleh bahagian-bahagian UMNO itu," katanya.

Beliau memberitahu, laporan penyiasatan itu dijangka siap dalam masa dua minggu.

Sementara itu DAP Negeri Melaka akan mengadakan satu mesyuarat jawatankuasa negeri pada hari Sabtu ini untuk membincangkan semua aspek dan implikasi krisis politik

Jejaskan

Setiausaha Ageng Bernard Sta Maria dalam satu kenyataan hari ini berkata mesyuarat itu dipanggil memandangkan implikasi krisis tersebut mungkin akan menjejaskan semua lapisan pentadbiran kerajaan dan melibatkan kepentingan rakyat.

Setiausaha Ageng HAP yang juga Pengerusi DAP Negeri Melaka

Lim Kit Siang akan mengeluarkan satu kenyataan selepas mesyuarat itu untuk meyarankan pendirian

partinya tentang krisis tersebut.

partinya tentang krisis tersebut.